



**LEMBAGA PERTUBUHAN PELADANG  
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN**

Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) adalah sebuah badan berkanun di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Makanan yang bertanggungjawab memajukan pergerakan Pertubuhan Peladang di seluruh negara mempelawa warganegara Malaysia yang berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan serta berkeelayakan dan bermotivasi tinggi untuk mengisi jawatan-jawatan berikut:

**'JAWATAN KOSONG'**

**PENGAWAL KESELAMATAN**

- |    |     |                           |   |                                 |               |
|----|-----|---------------------------|---|---------------------------------|---------------|
| 1. | (A) | Jawatan/Skim Perkhidmatan | : | Pengawal Keselamatan            |               |
|    | (B) | Gred Jawatan              | : | KP11                            |               |
|    | (C) | Klasifikasi Perkhidmatan  | : | Keselamatan dan Pertahanan Awam |               |
|    | (D) | Kumpulan Perkhidmatan     | : | Pelaksana                       |               |
|    | (E) | Taraf Jawatan             | : | Tetap                           |               |
|    | (F) | Jadual Gaji               | : | Minimum                         | - RM 1,205.00 |
|    |     |                           |   | Maksimum                        | - RM 2,939.00 |

**Bidang Tugas**

Bertanggungjawab melaksanakan tugas kawalan keselamatan aset kerajaan melibatkan keselamatan fizikal, dokumen dan personel di bangunan dan premis kerajaan termasuk kawasan-kawasan yang diisytiharkan sebagai Kawasan Larangan dan Tempat Larangan di bawah Akta Kawasan Larangan dan Tempat Larangan 1959 (Akta 298).

**Syarat-syarat Lantikan**

1. Calon lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut :-
  - (a) Warganegara Malaysia.
  - (b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
  - (c) (i) Pentaksiran Tingkatan Tiga/Penilaian Menengah Rendah atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

(Gaji permulaan ialah pada Gred KP11: RM 1,205.00); atau

- (ii) Bekas anggota polis atau tentera yang sekurang-kurangnya berpangkat Konstabel Polis Sokongan atau Prebet atau yang setaraf dengannya dan telah disahkan dalam jawatan tersebut serta mempunyai rekod perkhidmatan yang baik.

(Gaji permulaan ialah pada Gred KP11: RM1,205.00)

dan (d) Mempunyai syarat-syarat ukuran fizikal dan pancaindera seperti yang berikut:

- (i) Tinggi sekurang-kurangnya 1.57cm bagi lelaki dan 1.53cm bagi wanita bersepatu;
- (ii) Berat badan sekurang-kurangnya 48kg bagi lelaki dan 46kg bagi wanita;
- (iii) Mempunyai ukuran Indeks Jisim Badan (BMI) di antara julat 19 hingga 26;
- (iv) Mempunyai sekurang-kurangnya 79sm ukuran dada yang biasa dan 84sm semasa menarik nafas (lelaki sahaja);
- (v) Lulus dalam ujian penglihatan bagi mata kiri dan kanan yang diuji berasingan dengan ketetapan V6/9 tanpa menggunakan cermin mata;
- (vi) Pengecaman warna dan pendengaran yang tidak cacat;
- (vii) Diperiksa dan diperakui sihat untuk berkhidmat oleh pengamal perubatan berdaftar.

### **Syarat Kelayakan Bahasa Melayu**

2. Calon bagi lantikan dengan kelayakan di perenggan 1 ( c ) (i) hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Pentaksiran Tingkatan Tiga/Penilaian Menengah Rendah atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.